

Pembangkang gagal berperanan — PM

JIN 3 0 DEC 2001

Oleh YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 29 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, parti-parti pembangkang di negara ini gagal berperanan sebagai pembangkang sebenar tetapi lebih kepada pihak yang hanya bijak menabur fitnah dan kebencian di kalangan rakyat.

Menurut Perdana Menteri, peranan pembangkang sebenarnya ialah menegur kerajaan apabila parti memerintah terlalu yakin dengan tindak-tanduknya dan melakukan pelbagai kesilapan.

“Kita bukan tidak mahu pembangkang. Kehadiran parti pembangkang penting untuk menegur kerajaan apabila kerajaan terlalu yakin dan membuat perkara yang salah.

“Sebaliknya, parti-parti pembangkang di negara ini hanya berperanan sebagai golongan yang melempar fitnah dan kebencian terhadap pemimpin kerajaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) ke-48 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Presiden PPP, Datuk M. Kayveas.

Perdana Menteri berkata, negara akan menjadi aman sekiranya parti-parti pembangkang tidak menabur fitnah dan melemparkan tuduhan tidak berasas.

“Jika tidak ada angkara ciptaan parti lawan, Malaysia akan aman dan bahagia,” katanya.

Kerajaan, jelas beliau, dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada pembangunan negara dan kaum jika negara berada dalam situasi aman.

Beliau menambah, parti-parti pembangkang sepatutnya berasa beruntung berada di negara ini berbanding negara lain.

“Keadaan di Malaysia tidaklah seperti negara lain di mana calon parti lawan yang menang tidak dibenarkan mengambil tempat dalam Parlimen dan kerap diheret ke mahkamah.

“Di Malaysia, sejak merdeka kita telah mengadakan pilihan raya sebanyak 10 kali dan tiap kali ramai calon parti lawan yang menang,” jelasnya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir memberitahu, kemajuan berterusan yang dicapai oleh Malaysia berikutan mandat yang panjang yang diberikan oleh rakyat kepada BN.

“Di sesetengah negara, ada yang mendirikan 50 kerajaan dalam tempoh 55 tahun dan ada yang menukar Perdana

Menteri dua tahun sekali,” tambahnya.

Keadaan sedemikian, menurutnya, menyebabkan pentadbiran dan pembangunan sesebuah negara menjadi kucar kacir.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN menjelaskan, parti campuran yang mengandungi banyak parti komponen adalah lebih teguh berbanding parti yang dianggotai oleh dua atau tiga parti komponen.

Dalam parti campuran yang terdiri daripada dua atau tiga parti komponen, katanya, penarikan diri sebuah parti adalah memadai untuk menghilangkan majoriti dan menjatuhkan kerajaan.

“Dalam BN yang mengandungi 14 parti komponen, jika mana-mana parti menarik diri, BN tidak semestinya kehilangan majoriti.

“BN akan terus menjadi kerajaan dan parti yang menarik diri akan menjadi pembangkang dan tidak berkuasa,” jelasnya yang merujuk kepada pakatan pembangkang yang hanya terdiri daripada Pas, Parti Keadilan Nasional dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Beliau memberitahu, percubaan untuk mendirikan barisan tiruan telah dibuat dua kali oleh parti pembangkang yang jelas mempunyai ideologi dan matlamat berbeza.

“Yang pertama telah gagal dan kita sedang melihat per-

cubaan kedua yang juga sedang berpecah,” katanya.

Parti-parti lawan, kata Dr. Mahathir, perlu membuat pendirian yang jelas supaya rakyat mengenali siapa diri mereka sebenar.

Beliau juga menafikan dakwaan parti-parti pembangkang yang mengatakan kerajaan melakukan pembaziran dari segi kewangan.

“Hanya orang buta akal sahaja yang masih berkata kita membazirkan wang. Sebenarnya kita mempunyai pengurusan kewangan yang kemas,” katanya.

Oleh itu jelas beliau, kerajaan mampu menambah perbelanjaan pembangunan, membayar bonus dan menaikkan gaji ketika dunia dan negara jiran mengalami masalah akibat kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat selepas peristiwa 11 September lalu.

“Kita tidak mungkin dapat berbuat demikian jika kita boros dan menghabiskan duit rakyat dengan sia-sia,” katanya.

Bagaimanapun tambahnya, usaha merosakkan ekonomi Malaysia masih diteruskan termasuk menyiarkan berita rusuhan kaum, Malaysia sebagai negara Islam yang merbahaya kepada pelancong dan laporan kononnya wujud komplot untuk membunuh beliau.